



**PTS Media Group Sdn. Bhd.** (173482-A)  
[pts.com.my](http://pts.com.my)

No. 12, Jalan DBP,  
Dolomite Business Park,  
68100 Batu Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
**Tel : +603-6188 0316**  
**Faks : +603-6189 1316**

## **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

### **BUKU TAFSIR AL-AZHAR JUZUK 4**

PTS Publishing House menerbitkan sebuah karya agung Nusantara, iaitu Profesor Dr. Haji Abdul Malik Karim Amrullah, atau lebih dikenali sebagai HAMKA. Penyusunan tafsir ini, menggunakan metode tahlil (analisis), tafsir Al-Quran dengan Al-Quran dan tafsir Al-Quran dengan hadith. Turut mengandungi tafsir Al-Quran dengan pendapat sahabat dan tabi'in, tafsir Al-Quran dengan tafsir muktabar yang lain. Secara ringkasnya, tafsir ini menjelaskan ayat-ayat Al-Quran beserta maknanya. Ia merangkumi sejarah, sosiologi, tasawuf, ilmu kalam, sastera, dan psikologi.

Tafsir Al-Azhar Juzuk 4 adalah lanjutan surah *Ali-Imran* daripada ayat 92 hingga ayat 200 dan surah *An-Nisaa'* daripada ayat 1 hingga ayat 23. Mesej utama daripada surah *Ali-Imran* dan juzuk ke-4 adalah memberi peringatan kepada kaum Muslimin tentang kegagahan dalam Perang Uhud, iaitu perang yang menyebabkan Rasulullah s.a.w. mendapat luka dan berpuluhan mujahid mati syahid. Dan lanjutan surah ini mengingatkan para Muslimin supaya memperteguhkan hati, menyiapkan harta dan tenaga bagi memperjuangkan agama Allah. Manakala, surah *An-Nisaa'* yang bermaksud perempuan-perempuan yang banyak membicarakan mengenai kaum perempuan.

Antara 5 kupasan isu yang terkandung dalam surah *Ali-Imran* adalah:

- Makanan yang Haram bagi Bani Israel
- Perintah Haji
- Tali Allah dan Tali Insan
- Perbandingan Antara Kekalahan Di Perang Uhud dan Kemenangan Di Perang Badar
- Lanjutan Peristiwa Uhud

Seterusnya, antara 5 kupasan isu yang terkandung dalam surah *An-Nisaa`* adalah:

- Perihal Gundik
- Rasulullah s.a.w. dengan Isteri-Isteri Beliau
- Mahar (Mas Kahwin)
- Ketentuan Warisan
- Pemberian Pengubat Hati

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)